



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

TAHUN 2022

20 JUN 2023 (SELASA)

8.30 PAGI

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

SALUTASI

(Disediakan berasingan dan perlu disemak oleh Urus Setia pada tarikh Majlis)

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

2. Terlebih dahulu, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kerana pada hari ini kita semua diberi peluang untuk bersama-sama berkumpul di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2022.

3. Saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur Induk 2022 kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan sempena majlis ini. Tahniah dan syabas juga kepada Jawatankuasa Penganjur Induk 2022 yang bertungkus-lumus membuat persiapan berwarna-warni yang tentunya memberi makna kepada semua penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada hari ini dan amnya kepada seluruh warga kerja KKR dan JKR Malaysia.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Saban tahun, setiap kementerian dan jabatan akan menganjurkan majlis APC sebagai tanda penghargaan kepada warga kerjanya. Ianya merupakan simbolik ucapan terima kasih atas segala sumbangan dan khidmat bakti warga

kerja yang melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan cemerlang sepanjang tahun 2022.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

5. Mencapai kejayaan adalah satu pengalaman yang sangat positif dan begitu bernilai kepada setiap individu. Ia memberi satu perasaan kepuasan dalam bekerja, di samping memupuk semangat motivasi pada setiap penerima dalam melaksanakan setiap tanggungjawab yang diamanahkan. Selain itu, pengalaman yang cukup bermakna ini pastinya amat mengujakan dan mengundang pelbagai emosi, waima menjelmakan perasaan yang bercampur-baur. Saya difahamkan dari sinilah konsep *COLOUR BLOCK* terhasil di mana ia menggambarkan pelbagai emosi dan aura positif seperti gembira, teruja, ceria, yakin, disayangi, dihargai dan sebagainya yang pasti meninggalkan satu kenangan yang terindah buat diri setiap penerima PPC dan APC 2022.

6. Kesungguhan, komitmen dan kerjasama baik yang diberikan oleh seluruh warga kerja adalah merupakan “teras kekuatan” dan kunci utama kepada penyampaian perkhidmatan awam yang berkualiti kepada rakyat dan pemegang taruh di luar sana. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada **3 orang penerima PPC dari JKR, 60 orang penerima APC dari KKR dan 727 orang penerima APC JKR** pada tahun 2022 yang diraikan pada hari ini. Semoga penganugerahan ini dapat menyuntik semangat dan menjadi inspirasi kepada semua warga kerja KKR dan JKR untuk lebih beriltizam serta memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pemegang taruh kementerian dan jabatan.

Para hadirin sekalian,

7. Namun begitu, saya ingin mengingatkan kepada semua bahawa APC ini bukanlah satu pengukur bahawa kita telah mencapai kecemerlangan yang tertinggi. Masih banyak yang boleh disumbangkan, idea bernas yang boleh dikupas dan khidmat bakti yang hendak dicurahkan demi kementerian dan jabatan menuju kecemerlangan memacu negara MADANI. Sifat inginkan kecemerlangan perlu hadir dalam diri dan jiwa setiap individu. Jadikan penganugerahan ini sebagai satu cabaran dan inspirasi semua warga kerja dalam usaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan. Saya yakin dan percaya bahawa pemilihan penerima PPC dan APC adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang telah dibincangkan dan diperhalusi sebaiknya.

TEMA MAJLIS APC 2022 - WARGA CEMERLANG MEMACU NEGARA MADANI

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

8. Saya dimaklumkan bahawa tema majlis APC pada kali ini ialah “Warga Cemerlang Memacu Negara Madani”. Ia seiring dengan Konsep MADANI yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri dalam mentadbir negara dengan berkesan. Negara dan peradaban yang kita bangukan kelak haruslah M.A.D.A.N.I. iaitu **M**ampan, sejahter**A**, ber**D**aya cipta, saling menghorm**A**ti, punyai keyaki**N**an dan bersifat **I**hsan. Tema ini seiring dengan tema Hari Pekerja yang disambut pada 1 Mei yang lepas yakni “Pekerja Pemangkin Wadah Malaysia MADANI. Ia mencerminkan aspirasi yang mendukung prinsip kesejahteraan, keadilan, saling menghormati, ihsan serta jalinan kerjasama

semua rakyat untuk berganding bahu membina Malaysia menjadi sebuah negara yang bertamadun.

9. Kalau disebut dalam bahasa Iban 'DANI' bermakna bangun atau bangkit dari tidur. In Iban language, 'DANI' means waking up in the early morning after sleeping through the night to begin a new day. So, when we say Madani, it can also be a reminder to mean Malaysia or Malaysians are now waking up ready for a new beginning. Dalam konteks kementerian juga, konsep ini juga dapat kita aplikasikan – kita ubah dan perbaiki cara kerja lama kepada lebih baik, dan kita teruskan dasar yang telah terbukti memberi manfaat kepada semua. 'Jasa Kepada Rakyat' harus terus kita pegang utuh dalam melaksanakan tanggungjawab kita kepada mereka.

10. Dalam ucapan amanat awal tahun ini, memetik kata-kata YAB Perdana Menteri, iaitu "Perkhidmatan awam adalah tonggak kepada negara dan ia tidak akan berubah meskipun kerajaan atau perdana menteri telah bertukar ganti". Justeru, dapat dilihat bahawa, warga kerja adalah tonggak utama atau nadi kepada sesebuah organisasi, meski pemimpin datang dan pergi. Marilah kita sama-sama bekerja dengan penuh tanggungjawab, ikhlas dan tentunya berintegriti. Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama dan tentunya saya mahu kita semua diingati dengan nama dan jasa bakti yang baik kepada rakyat dan negara.

11. Selain itu, besar harapan saya agar seluruh warga kerja KKR dan JKR dapat meneruskan kerjasama yang baik dan sentiasa menyokong di antara satu sama lain. Kebersamaan dan pemuafakatan dalam melaksanakan tanggungjawab yang digalas pasti akan membuahkan hasil yang cemerlang.

Pada masa yang sama kita perlu mentransformasikan cara kerja mengikut peredaran zaman. ***This is the era where we need to move forward as one.***

“Once a new technology rolls over you, if you ‘re not part of the steamroller, you ‘re part of the road.” – Stewart Brand

13. Justeru, warga kerja harus mengadaptasi *current changes* ini dalam melunaskan tanggungjawab sebagai penjawat awam yang berwibawa dan berintegriti, agar kementerian dan jabatan sentiasa kompetitif dalam penyampaian perkhidmatan kepada pemegang taruh.

KECEMERLANGAN WARGA KERJA NADI KEJAYAAN

Para hadirin sekalian,

14. Selaku kementerian dan agensi teknikal negara, warga kerja KKR dan JKR merupakan aset penting dalam penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat khususnya dalam industri pembinaan negara. Segala gerak kerja dan penyampaian perkhidmatan kementerian dan jabatan sentiasa diperhatikan dan dinilai oleh rakyat. Justeru, menjadi kewajipan kepada kita semua untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, memperkasakan kepakaran, inovatif dan kreatif. Pada masa yang sama kita terapkan nilai positif di mana jua kita berkhidmat, di samping mempunyai keseimbangan dari segi intelektual, emosi, rohani dan fizikal. Faktor-faktor tersebut menyumbang kepada kejayaan seseorang individu dan juga organisasi.

15. Kejayaan organisasi terletak pada kecemerlangan warga kerjanya. Sumber manusia merupakan aset utama yang menyumbang kepada reputasi dan imej sesebuah organisasi. Pembangunan modal insan yang mantap membantu memacu kecemerlangan dalam aspek pentadbiran dan tadbir urus organisasi. Pincangnya nilai murni/ moral warga kerja akan membawa kepada kelumpuhan kepada sesebuah organisasi. Oleh yang demikian, ingin saya berpesan kepada seluruh warga kerja KKR dan JKR bahawa nilai utama yang perlu disematkan dalam hati sanubari adalah **Integriti**.

PENUTUP

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

16. Jika mengimpikan kejayaan, ia wajar bermula dengan “perancangan awal”, dimulai dengan diri kita sendiri untuk membudayakan nilai kecemerlangan, meneroka ilmu pengetahuan dan membina potensi diri yang luar biasa.

17. Oleh itu, besar harapan saya agar tuan-tuan dan puan-puan terus berusaha gigih untuk menyampaikan perkhidmatan jabatan terbaik melalui amalan budaya yang cemerlang, amanah dan berintegriti. Reputasi perkhidmatan terletak kepada setiap warga kerjanya manakala kecemerlangan sesebuah jabatan akan menjadi pemangkin kejayaan dalam merealisasikan pembangunan negara MADANI.

Akhir kata, Salam Malaysia Madani, Salam Segulai Sejalai dan terima kasih.